



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: 100-4/10 Jld.(6)/(46)

Tarikh : 18 April 2022

Semua Setiausaha Tetap Kementerian,
Semua Ketua Jabatan,
Semua Pegawai Daerah,
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil.

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 6 TAHUN 2022 PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI DAN KAAMATAN TAHUN 2022

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pembayaran **BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI DAN KAAMATAN TAHUN 2022 (BKAK) 2022**.

2. LATARBELAKANG

Pembayaran ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah (PPNS) Bil. 4/2022 bertarikh 14 April 2022. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeliiling tersebut yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

3. KAEDAH PEMBAYARAN

3.1 BKAK Tahun 2022 sebanyak RM500.00 akan dibayar secara automatik melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) serentak dengan gaji bulan April 2022. Bayaran dibuat hanya kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) yang aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan April 2022.



“SABAH MAJU JAYA”

- 3.2 Pembayaran hanya boleh dibuat melalui SGP. Oleh yang demikian, bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan April 2022 tetapi layak dibayar BKAK Tahun 2022, Jabatan hendaklah menyediakan input BKAK Tahun 2022 melalui Sistem ePay A3. Input BKAK Tahun 2022 perlu dihantar mengikut Jadual Penghantaran Input Bulanan mulai bulan Mei 2022 (INPUT GAJI BULAN JUN 2022) tertakluk kepada Jadual Penghantaran Input Bulanan (Lampiran 1, PBNS Bil. 20/2021).

4. KOD BAYARAN / POTONGAN

- 4.1 Kod bayaran / potongan BKAK Tahun 2022 adalah seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD SGP	SINGKATAN	PERIHAL
15106	405	BKAK 2022	BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI DAN KAAMATAN 2022
15106	566	TBKAK 2022	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI DAN KAAMATAN KEWANGAN
15106	767	BLKKBKAK	KUTIPAN BALIK BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI DAN KAAMATAN
29306	406	BKAK2022VT	BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI DAN KAAMATAN 2022 VOT TERBUKA
29306	567	TBKAK2022VT	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI DAN KAAMATAN VOT TERBUKA
29306	768	BLKKBKAKVT	KUTIPAN BALIK BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI DAN KAAMATAN VOT TERBUKA TAHUN SEMASA

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1 Pusat Kawalan Sistem Perakaunan akan mengeluarkan Laporan Senarai Nama Penerima BKAK Tahun 2022 kepada semua Kementerian/Jabatan di bawah SGP termasuk JMS untuk semakan masing-masing. Laporan berkenaan adalah berdasarkan kepada maklumat anggota dalam SGP.
- 5.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab menyemak dengan teliti laporan tersebut dan memastikan bayaran BKAK Tahun 2022 kepada setiap anggota masing-masing teratur dan mematuhi peraturan PPNS Bil.4/2022. Perhatian hendaklah diberikan kepada pegawai yang tidak layak dan ditangguhkan BKAK Tahun 2022. Selanjutnya pembayaran BKAK Tahun 2022 kepada Pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula hendaklah mematuhi PPNS Bil.4/2022.
- 5.3 Ketua Jabatan bertanggungjawab membuat pelarasan semula BKAK Tahun 2022 yang telah dibayar jika berlaku salah bayaran. Pelarasan hendaklah dibuat melalui Sistem e-Pay A3 dan dihantar bersama input gaji bulan JUN 2022.

5.4 Ketua Jabatan selaku pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot berkenaan adalah mencukupi untuk membayar BKAK Tahun 2022 ini. Jika peruntukan tidak mencukupi, pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memohon virement atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

6. PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

6.1 BKAK Tahun 2022 kepada PSH akan dibayar serentak dengan gaji bulan April 2022 berpandukan kepada senarai penerima PSH yang terdapat dalam Sistem Upah Harian (SUH).

6.2 Jabatan hendaklah mendaftarkan maklumat dalam SUH dan mengemukakan baucar bayaran am ke Jabatan Bendahari Negeri / Jabatan Pertanian Sabah. Bagi baucar PSH yang dibayar di Jabatan Bendahari Negeri, baucar tersebut hendaklah diluluskan di peringkat Jabatan.

6.3 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan PSH memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4.1 PPNS Bil.4/2022. Salinan surat pelantikan berserta salinan surat penerimaan jawatan hendaklah dikepulkan bersama sebagai sokongan yang melayakkan PSH berkenaan diberi BKAK Tahun 2022.

6.4 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelewatan pembayaran BKAK Tahun 2022 kepada PSH di Jabatan masing-masing atas sebab kelewatan untuk mengemukakan baucar bayaran am ke Jabatan Bendahari Negeri / Jabatan Pertanian Sabah ataupun mendapat teguran kerana terdapat PSH yang tidak layak diberi BKAK Tahun 2022 kerana tidak memenuhi syarat seperti di para 6.3.

7. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Seksyen Saraan melalui telefon 088 - 368516.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATIN MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA)
Bendahari Negeri

/JA/aza

“SABAH MAJU JAYA”

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian, Jln Tasik
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

Ketua Konservator Hutan
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p : Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 7, Menara Kinabalu
88400 KOTA KINABALU
(u.p : Encik Wan Ahmad Hazwan bin Ahmad Suhaini)

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
Blok A, Tingkat 8, Menara Kinabalu
88400 KOTA KINABALU
(u.p : Encik Yazid Yuzairie Bin Yunos)